Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Daerah Besut pada tahun 2023 adalah sebanyak RM715,395.57 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM535,787.81 ribu (74.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM179,607.77 ribu (25.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 47: Pendapatan Sektor Pertanian, Besut, 2023



3.10.1.10 TANAMAN

Pendapatan bagi subsektor tanaman Daerah Besut adalah sebanyak RM437,151.35. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM311,948.24 (71.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM125,203.11 (28.6%).


Paparan 48: Pendapatan Subsektor Tanaman, Besut, 2023



3.10.1.11 TERNAKAN

Pendapatan Besut bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM52,088.63 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM24,873.40 ribu (47.8%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM27,215.23 ribu (52.2%).


Paparan 49: Pendapatan Subsektor Ternakan, Besut, 2023



3.10.1.12 PERIKANAN TANGKAPAN

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Besut adalah RM115,501.38 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM106,534.67 ribu (92.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM8,966.71 ribu (7.8%).


Paparan 50: Pendapatan Sektor Perikanan Tangkapan, Besut, 2023



3.10.1.13 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Besut merekodkan jumlah pendapatan RM95,173.79 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM92,420.90 ribu (97.1%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM2,752.89 ribu (2.9%).


Paparan 51: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Besut, 2023



3.10.1.14 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti pembalakan di Besut adalah RM15,480.43 ribu. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM10.60 ribu (0.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM15,469.83 ribu (99.9%).

Paparan 52: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Besut, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.10.1.15 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian bagi Daerah Besut pada tahun 2023 adalah sebanyak RM252,483.70 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM188,933.63 ribu (74.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM63,550.08 ribu (25.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 53: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Besut, 2023



3.10.1.16 TANAMAN

Perbelanjaan bagi subsektor tanaman Daerah Besut adalah sebanyak RM160,152.75 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM123,369.81 ribu (77.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM36,782.94 ribu (33.0%).


Paparan 54: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Besut, 2023



3.10.1.17 TERNAKAN

Perbelanjaan Besut bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM29,955.92 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM12,910.20 ribu (43.1%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM17,045.72 ribu (56.9%).


Paparan 55: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Besut, 2023



3.10.1.18 PERIKANAN TANGKAPAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Besut adalah RM51,786.98 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM48,456.03 ribu (93.6%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM3,330.94 ribu (6.4%).


Paparan 56: Perbelanjaan Sektor Perikanan Tangkapan, Besut, 2023



3.10.1.19 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Besut merekodkan jumlah perbelanjaan RM5,028.02 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4,188.86 ribu (83.3%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM839.16 ribu (16.7%).


Paparan 57: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Besut, 2023



3.10.1.20 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pembalakan di Besut adalah RM5,560.03 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM8.71 ribu (0.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM5,551.32 ribu (99.8%).

Paparan 58: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Besut, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.10.2 DAERAH DUNGUN

Daerah Dungun merangkumi 11 mukim iaitu Mukim Besul, Mukim Hulu Paka, Mukim Jengai, Mukim Jerangau, Mukim Kuala Abang, Mukim Kuala Dungun, Mukim Kuala Paka, Mukim Kumpal, Mukim Pasir Raja, Mukim Rasau dan Mukim Sura.

Keluasan Dungun adalah 272,400 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 46,949 hektar (17.2%). Penduduk di Dungun adalah 168,100 dan mempunyai kepadatan penduduk 61 orang per kilometer persegi. Dungun mencatatkan bilangan isi rumah 46,600 dan purata saiz isi rumah adalah 3.6. Bilangan tempat kediaman di Dungun adalah 49,100.

Bilangan pegangan pertanian di Dungun adalah 7,830. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Dungun adalah tanaman iaitu 6,465 (80.6%) dengan 6,405 pegangan individu dan 60 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 1,056 (13.2%), dengan 1,013 pegangan individu dan 43 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 424 (5.3%) dengan 421 pegangan individu dan 3 pegangan pertubuhan, akuakultur sebanyak 70 (0.9%) dengan 58 pegangan individu dan 12 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 5 (0.1%) dengan 5 pegangan pertubuhan.

Carta 2 **Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Dungun, 2023**



3.10.2.1 AKTIVITI PERTANIAN

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Dungun adalah tanaman dengan nilai jualan RM575,580.42 ribu diikuti oleh ternakan (RM65,209.68 ribu), perikanan tangkapan (RM50,232.84 ribu), perhutanan dan pembalakan (RM38,560.58 ribu) dan akuakultur (RM3,175.85 ribu).

.

Paparan 59 **Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Dungun, 2023**



Tanaman

Pegangan Pertanian	:	6,465
	:	6,405 individu
		60 pertubuhan
Keluasan Bertanam	:	32,456.5 hektar
Keluasan Bertuai	:	27,624.7 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	560,245.0 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	558,804.1 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM575,580.42 ribu



Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	:	5
		- individu
		5 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	- kilogram
		71,417.0 meter padu
Kuantiti Jualan	:	- kilogram
		71,416.5 meter padu
Nilai Jualan	:	RM38,560.58 ribu




Ternakan

Pegangan Pertanian	:	1,056
		1,013 individu
		43 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	:	3,747.1 kilogram
		1,270,187 biji
		3,646,395 ekor
		682 liter
Kuantiti Jualan	:	3,609.1 kilogram
		793,236 biji
		3,450,390 ekor
		632 liter
Nilai Jualan	:	RM65,209.68 ribu



Perikanan Tangkapan

Pegangan Pertanian	:	424
		421 individu
		3 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	4,678.3 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	4,677.9 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM50,232.84 ribu



Akuakultur

Pegangan Pertanian	:	70
		58 individu
		12 pertubuhan
Keluasan	:	15.9 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	282.0 tan metrik
		7,029 ekor
Kuantiti Jualan	:	256.7 tan metrik
		6,710 ekor
Nilai Jualan	:	RM3,175.85 ribu

3.10.2.2 SUBSEKTOR TANAMAN

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Dungun adalah 6,465 terdiri daripada 6,405 pegangan individu dan 60 pegangan pertubuhan pada tahun 2023. Keluasan bertanam direkodkan sebanyak 32,456.5 hektar dan kuantiti pengeluaran adalah 560,245.0 tan metrik. Pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman di Dungun adalah kelapa sawit iaitu 543,760.4 tan metrik diikuti oleh buah-buahan (6,975.4 tan metrik) dan tanaman lain (5,802.3 tan metrik).

Paparan 60 **Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Dungun, 2023**



1. Kelapa Sawit
Pegangan Pertanian : 611
Keluasan Bertanam : 29,102.5 hektar
Pengeluaran : 543,760.5 tan metrik
Nilai Jualan : RM504,097.78 ribu



2. Buah-buahan
Pegangan Pertanian : 2,460
Keluasan Bertanam : 980.1 hektar
Pengeluaran : 6,975.4 tan metrik
Nilai Jualan : RM42,883.69 ribu



3. Sayur-sayuran
Pegangan Pertanian : 964
Keluasan Bertanam : 183.2 hektar
Pengeluaran : 2,283.2 tan metrik
Nilai Jualan : RM13,034.26 ribu



4. Getah
Pegangan Pertanian : 1,061
Keluasan Bertanam : 1,355.6 hektar
Pengeluaran : 872.1 tan metrik
Nilai Jualan : RM5,667.34 ribu



5. Nanas
Pegangan Pertanian : 23
Keluasan Bertanam : 12.5 hektar
Pengeluaran : 433.0 tan metrik
Nilai Jualan : RM1,258.23 ribu



6. Padi
Pegangan Pertanian : 27
Keluasan Bertanam : 48.2 hektar
Pengeluaran : 109.2 tan metrik
Nilai Jualan : RM144.86 ribu



7. Lada
Pegangan Pertanian : 7
Keluasan Bertanam : 3.4 hektar
Pengeluaran : 9.3 tan metrik
Nilai Jualan : RM153.74 ribu



8. Tanaman Lain
Pegangan Pertanian : 1,912
Keluasan Bertanam : 771.1 hektar
Pengeluaran : 5,802.3 tan metrik
Nilai Jualan : RM8,340.50 ribu




3.10.2.3 SUBSEKTOR TERNAKAN

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Dungun adalah 1,056 yang terdiri daripada 1,013 pegangan individu dan 43 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah 3,747.1 kilogram dengan kuantiti jualan 3,609.0 kilogram. Sejumlah 1,270,187 biji telur dan 682 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 793,236 biji telur serta 632.0 liter susu segar telah dijual. Nilai jualan bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di Dungun sebanyak RM47,344.06 ribu. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Dungun direkodkan sebanyak RM65,209.68 ribu.

Jadual 4 **Parameter Utama Subsektor Ternakan, Dungun, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Dungun	**1,056**	**1,013**	**43**	**-**	**-**	**65,209.68**
Kilogram	-	-	-	3,747.1	3,609.1	1,901.98
Biji	-	-	-	1,270,187	793,236	452.50
Ekor	-	-	-	3,646,395	3,450,390	62,852.37
Liter	-	-	-	682.0	632.0	2,826.00


Paparan 61 **Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Dungun, 2023**



3.10.2.4 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Dungun merekodkan 424 pegangan pertanian yang terdiri daripada 421 pengusaha individu dan 3 pertubuhan pada tahun 2023. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 4,678.3 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan direkodkan sebanyak 4,677.9 tan metrik dengan jumlah nilai jualan berjumlah RM50,232.84 ribu.

Paparan 62 **Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Dungun, 2023**



3.10.2.5 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Dungun merekodkan seramai 70 pegangan pertanian yang terdiri daripada 58 pengusaha individu dan 12 pertubuhan pada tahun 2023. Keluasan bagi subsektor akuakultur yang diusahakan adalah sebanyak 15.9 hektar di Dungun yang melibatkan kuantiti pengeluaran 282.0 tan metrik dan kuantiti jualan 256.7 tan metrik yang bernilai RM3,134.44 ribu bagi akuakultur air payau dan air tawar. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi kategori baka & benih dan ikan hiasan direkodkan sebanyak 7,029 ekor dan 6,710 ekor dijual bernilai RM41.41 ribu. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM3,175.85 ribu.

Jadual 5 Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Dungun, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Dungun	**70**	**58**	**12**	**15.9**	**-**	**-**	**3,175.85**
Tan metrik	-	-	-		282.0	256.7	3,134.44
Ekor	-	-	-		7,029	6,710	41.41

3.10.2.6 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak lima pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran dan jualan pembalakan di Dungun telah mencatatkan sebanyak 71,417.0 meter padu dengan jualan sebanyak 71,416.5 meter padu. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM38,560.58 ribu.

Jadual 6 Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan Dungun, 2023


Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Dungun	**5**	**-**	**5**	**-**	**-**	**38,560.58**
Kilogram	-	-	-	-	-	-
Meter padu	-	-	-	71,417.0	71,416.5	38,560.58

3.10.2.7 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di daerah Dungun adalah seramai 12,156 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 67.9 peratus merupakan Pemilik dan Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 8,259 orang, manakala 3,506 orang atau 28.8 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 391 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji iaitu 3.2 peratus.

Paparan 63 **Guna Tenaga Pertanian, Dungun, 2023**


(Orang)



3.10.2.8 GAJI DAN UPAH

Dungun merekodkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,511.00. Bagi pegangan pertanian individu purata gaji dan upah tahunan adalah sebanyak RM8,020.00 manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM21,653.00.

Paparan 64 **Purata Gaji dan Upah, Dungun, 2023**



Gaji & Upah Tahunan (RM)

3.10.2.9 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Daerah Dungun pada tahun 2023 adalah sebanyak RM828,745.03 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM178,646.49 ribu (21.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM650,098.54 ribu (78.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 65: Pendapatan Sektor Pertanian, Dungun, 2023



3.10.2.10 TANAMAN

Pendapatan bagi subsektor tanaman Daerah Dungun adalah sebanyak RM651,985.09 ribu. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM111,989.89 ribu (17.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM539,995.20 (82.8%).


Paparan 66: Pendapatan Subsektor Tanaman, Dungun, 2023



3.10.2.11 TERNAKAN

Pendapatan Dungun bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM67,758.49 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM22,736.25 ribu (33.6%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM45,022.24 ribu (66.4%).


Paparan 67: Pendapatan Subsektor Ternakan, Dungun, 2023



3.10.2.12 PERIKANAN TANGKAPAN

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Dungun adalah RM52,041.76 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM41,710.26 ribu (80.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM10,331.50 ribu (19.9%).


Paparan 68: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Dungun, 2023



3.10.2.13 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Dungun merekodkan jumlah pendapatan RM3,921.34 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM2,210.08 ribu (56.4%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM1,711.26 ribu (43.6%).


Paparan 69: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Dungun, 2023



3.10.2.14 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti pembalakan di Dungun adalah RM53,038.34 ribu. Keseluruhan pendapatan tersebut, disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan iaitu berjumlah RM53,038.34 (100.0%).

Paparan 70: Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Dungun, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.10.2.15 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjan sektor pertanian bagi Daerah Dungun pada tahun 2023 adalah sebanyak RM281,609.69 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM70,433.59 ribu (25.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM211,176.10 ribu (75.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 71: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Dungun, 2023



3.10.2.16 TANAMAN

Perbelanjaan bagi subsektor tanaman Daerah Dungun adalah sebanyak RM199,657.62 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM40,919.36 ribu (20.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM158,738.26 ribu (79.5%).


Paparan 72: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Dungun, 2023



3.10.2.17 TERNAKAN

Perbelanjaan Dungun bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM31,735.77 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM10,302.90 ribu (32.5%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM21,432.87 ribu (67.5%).


Paparan 73: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Dungun, 2023



3.10.2.18 PERIKANAN TANGKAPAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Dungun adalah RM23,630.38 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM18,757.08 ribu (79.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM4,873.30 ribu (20.6%).


Paparan 74: Perbelanjaan Sektor Perikanan Tangkapan, Dungun, 2023



3.10.2.19 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Dungun merekodkan jumlah perbelanjaan RM1,503.35 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM454.26 ribu (30.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM1,049.09 ribu (69.8%).


Paparan 75: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Dungun, 2023



3.10.2.20 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pembalakan di Dungun adalah RM25,082.57 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan daripada pegangan pertanian pertubuhan berjumlah RM25,082.57 ribu (100.0%).

Paparan 76: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Dungun, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.10.3 DAERAH KEMAMAN

Daerah Kemaman merangkumi merangkumi 12 mukim iaitu Mukim Bandi, Mukim Banggul, Mukim Binjai, Mukim Cukai, Mukim Hulu Cukai, Mukim Hulu Jabur, Mukim Kemasik, Mukim Kerteh, Mukim Kijal, Mukim Pasir Semut, Mukim Tebak dan Mukim Teluk Kalung.

Keluasan Kemaman adalah 253,200 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 122,942 hektar (48.6%). Penduduk di Kemaman adalah 231,800 dan mempunyai kepadatan penduduk 91 orang per kilometer persegi. Kemaman mencatatkan bilangan isi rumah 64,000 dan purata saiz isi rumah adalah 3.6.

Bilangan pegangan pertanian di Kemaman adalah 8,511 Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Kemaman adalah tanaman iaitu 5,622 (64.0%) dengan 5,533 pegangan individu dan 89 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 2,397 (27.3%) dengan 2,360 pegangan individu dan 37 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 602 (6.9%) yang merupakan pegangan individu, akuakultur sebanyak 150 (1.7%) dengan 149 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 11 (0.1%) dengan 10 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan.

Carta 3 **Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Kemaman, 2023**



3.10.3.1 AKTIVITI PERTANIAN

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Kemaman adalah tanaman dengan nilai jualan RM1,508,224.00 ribu diikuti oleh ternakan (RM141,383.55 ribu), perikanan (RM83,265.62 ribu), akuakultur (RM3,807.03 ribu) dan perhutanan & pembalakan (RM70.23 ribu).

Paparan 77

Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Kemaman, 2023

Tanaman

Pegangan Pertanian	:	5,622
	:	5,533 individu
		89 pertubuhan
Keluasan Bertanam	:	76,427.2 hektar
Keluasan Bertuai	:	68,059.4 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	1,443,032.1 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	1,439,936.5 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM1,508,224.00 ribu

Ternakan

Pegangan Pertanian	:	2,397
		2,360 individu
		37 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	:	5,759.0 kilogram
		1,380,733.0 biji
		4,193,369.0 ekor
		30,360.0 liter
Kuantiti Jualan	:	5,515.0 kilogram
		1,270,004.0 biji
		3,947,634.0 ekor
		30,356.0 liter
Nilai Jualan	:	RM141,383.55 ribu

Perikanan Tangkapan

Pegangan Pertanian	:	602
		602 individu
		- pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	13,807.7 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	8,257.5 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM83,265.62 ribu

Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	:	11
		10 individu
		1 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	4,637.0 kilogram
		61.0 meter padu
Kuantiti Jualan	:	4,160.0 kilogram
		60.8 meter padu
Nilai Jualan	:	RM70.23 ribu

Akuakultur

Pegangan Pertanian	:	150
		149 individu
		1 pertubuhan
Keluasan	:	15.3 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	425.6 tan metrik
		68,754.0 ekor
Kuantiti Jualan	:	394.6 tan metrik
		66,125.0 ekor
Nilai Jualan	:	RM3,807,033.60 ribu

3.10.3.2 SUBSEKTOR TANAMAN

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Kemaman adalah 5,622 yang terdiri daripada 5,533 pegangan individu dan 89 pegangan pertubuhan. Kemaman merekodkan keluasan bertanam 76,427.2 hektar dan kuantiti pengeluaran 1,443,032.1 tan metrik. Kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman di Kemaman adalah kelapa sawit iaitu 1,417,0777.6 tan metrik diikuti oleh buah-buahan (11,672.7 tan metrik) dan tanaman lain (6,972.5 tan metrik).

Paparan 78 **Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Kemaman, 2023**



1. Kelapa Sawit

Pegangan Pertanian	:	1,005
Keluasan Bertanam	:	71,761.6 hektar
Pengeluaran	:	1,417,077.6 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM1,320,543.58 ribu



2. Buah-buahan

Pegangan Pertanian	:	1,989
Keluasan Bertanam	:	1,602.4 hektar
Pengeluaran	:	11,672.7 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM125,556.94 ribu



3. Sayur-sayuran

Pegangan Pertanian	:	651
Keluasan Bertanam	:	303.5 hektar
Pengeluaran	:	5,026.0 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM32,451.76 ribu



4. Getah

Pegangan Pertanian	:	1,107
Keluasan Bertanam	:	1,782.1 hektar
Pengeluaran	:	1,217.0 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM11,821.76 ribu



5. Nanas

Pegangan Pertanian	:	54
Keluasan Bertanam	:	23.6 hektar
Pengeluaran	:	801.8 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM2,377.20 ribu



6. Padi

Pegangan Pertanian	:	31
Keluasan Bertanam	:	87.4 hektar
Pengeluaran	:	263.4 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM440.56 ribu



7. Lada

Pegangan Pertanian	:	4
Keluasan Bertanam	:	1.4 hektar
Pengeluaran	:	1.0 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM21.22 ribu



8. Tanaman Lain

Pegangan Pertanian	:	1,208
Keluasan Bertanam	:	865.2 hektar
Pengeluaran	:	6,972.5 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM15,010.97 ribu



3.10.3.3 SUBSEKTOR TERNAKAN

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Kemaman adalah 2,397 pengusaha yang terdiri daripada 2,360 pegangan individu dan 37 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 5,759.0 kilogram dan sebanyak 5,515.0 kilogram telah dijual. Sejumlah 1,380,733 biji telur dan 30,360.0 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 1,270,004 biji telur serta 30,356.0 liter susu segar telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 4,193,369 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 3,947,634 ekor. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Kemaman direkodkan sebanyak RM141,383.55 ribu dengan penyumbang nilai jualan tertinggi adalah ternakan lembu/kerbau RM75,581.24 ribu.

Jadual 7 **Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kemaman, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kemaman	**2,397**	**2,360**	**37**	**-**	**-**	**141,383.55**
Kilogram	-	-	-	5,759.0	5,515.0	2,801.55
Biji	-	-	-	1,380,733	1,270,004	843,146.20
Ekor	-	-	-	4,193,369	3,947,634	137,603.17
Liter	-	-	-	30,360.0	30,356.0	135,696.00


Paparan 79 **Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Kemaman, 2023**



3.10.3.4 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Kemaman merekodkan seramai 602 pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Jumlah kuantiti pengeluaran mencatatkan sebanyak 13,807.7 tan metrik. Kuantiti jualan keseluruhan direkodkan sebanyak 8,257.5 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM83,265.62 ribu.

Paparan 80 **Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kemaman, 2023**



3.10.3.5 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kemaman merekodkan seramai 150 pegangan pertanian yang terdiri daripada 149 pengusaha individu dan 1 pertubuhan pada tahun 2023. Luas kawasan bagi aktiviti akuakultur di Kemaman adalah 15.3 hektar dan telah mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 425.6 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, kuantiti yang telah dijual adalah 394.6 tan metrik bernilai RM3,460.58 ribu bagi air payau dan air tawar, manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan diukur dalam unit ekor yang mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 68,754 ekor dan nilai jualan 66,125 ekor dengan nilai RM346.46 ribu .Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM3,807.03 ribu.

Jadual 8 **Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kemaman, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Kemaman	**150**	**149**	**1**	**15.3**	**-**	**-**	**3,807.03**
Tan metrik	-	-	-		425.6	394.6	3,460.57
Ekor	-	-	-		68,754.0	66,125.0	346.46

3.10.3.6 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak 11 pegangan pertanian terdiri daripada 10 pegangan pertanian individu dan 1 pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu di Kemaman mencatatkan sebanyak 4,637.0 kilogram dengan kuantiti jualan sebanyak 4,160.3 kilogram. Statistik pembalakan menunjukkan kuantiti pengeluaran sebanyak 61.0 meter padu dengan kuantiti dijual sebanyak 60.8 meter padu. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM70,227.00 ribu.


Jadual 9 **Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kemaman, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kemaman	**11**	**10**	**1**	**-**	**-**	**70.23**
Kilogram	-	-	-	4,637.0	4,160.3	33.49
Meter padu	-	-	-	61.0	60.8	36.74

3.10.3.7 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di daerah Kemaman adalah seramai 16,891 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 54.2 peratus merupakan Pemilik dan Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 9,171 orang, manakala 7,157 orang atau 42.3 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 563 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji iaitu 3.3 peratus.


Paparan 81 **Guna Tenaga Pertanian, Kemaman, 2023**



3.10.3.8 GAJI DAN UPAH

Kemaman merekodkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM21,365.00. Bagi pegangan pertanian individu purata gaji dan upah tahunan adalah sebanyak RM13,313.00 manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM30,776.00.

Paparan 82 **Purata Gaji dan Upah, Kemaman, 2023**




Gaji & Upah Tahunan (RM)

3.10.3.9 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Daerah Kemaman pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1,923,942.04 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM469,244.53 ribu (24.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM1,454,697.50 ribu (75.6%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 83: Pendapatan Sektor Pertanian, Kemaman, 2023



3.10.3.10 TANAMAN

Pendapatan bagi subsektor tanaman Daerah Kemaman adalah sebanyak RM1,675,211.78 ribu. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM283,166.28 ribu (16.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM1,392,045.50 (83.1%).


Paparan 84: Pendapatan Subsektor Tanaman, Kemaman, 2023



3.10.3.11 TERNAKAN

Pendapatan Kemaman bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM145,830.34 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM97,831.77 ribu (67.1%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM47,998.57 ribu (32.9%).


Paparan 85: Pendapatan Subsektor Ternakan, Kemaman, 2023



3.10.3.12 PERIKANAN TANGKAPAN

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kemaman adalah RM84,477.62 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM84,477.62 ribu (100.0%).


Paparan 86: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Kemaman, 2023



3.10.3.13 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kemaman merekodkan jumlah pendapatan RM3,857.38 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM3,735.38 ribu (96.8%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM122.00 ribu (3.2%).


Paparan 87: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Kemaman, 2023



3.10.3.14 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti pembalakan di Kemaman adalah RM14,564.92 ribu. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM33.49 ribu (0.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM14,531.43 (99.8%).

Paparan 88: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kemaman, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.10.3.15 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjan sektor pertanian bagi Daerah Kemaman pada tahun 2023 adalah sebanyak RM600,947.07 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM160,413.57 ribu (26.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM440,533.49 ribu (73.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 89: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Kemaman, 2023



3.10.2.16 TANAMAN

Perbelanjaan bagi subsektor tanaman Daerah Kemaman adalah sebanyak RM497,232.10 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM96,291.36 ribu (19.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM400,940.73 ribu (80.6%).


Paparan 90: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Kemaman, 2023



3.10.2.17 TERNAKAN

Perbelanjaan Kemaman bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM57,167.44 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM24,450.94 ribu (42.8%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM32,716.50 ribu (52.2%).


Paparan 91: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Kemaman, 2023



3.10.3.18 PERIKANAN TANGKAPAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kemaman adalah RM37,865.13 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM37,865.13 ribu (100.0%).


Paparan 92: Perbelanjaan Sektor Perikanan Tangkapan, Kemaman, 2023



3.10.3.19 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kemaman merekodkan jumlah perbelanjaan RM1,892.68 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,798.82 ribu (95.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM93.86 ribu (5.0%).


Paparan 93: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Kemaman, 2023



3.10.3.20 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pembalakan di Kemaman adalah RM6,789.72 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM7.32 ribu (0.1%) manakala pegangan pertanian pertubuhan berjumlah RM6,782.40 ribu (99.9%).

Paparan 94: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kemaman, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.10.4 DAERAH KUALA TERENGGANU

Daerah Kuala Terengganu merangkumi 19 mukim iaitu Mukim Atas Tol, Mukim Batu Buruk, Mukim Belara, Mukim Bukit Besar, Mukim Cabang Tiga, Mukim Cenering, Mukim Gelugur Kedai, Mukim Gelugur Raja, Mukim Kepung, Mukim Kuala Ibai, Mukim Kubang Parit, Mukim Losong, Mukim Manir, Mukim Paluh, Mukim Pengadang Buluh, Mukim Pulau-pulau, Mukim Rengas, Mukim Serada dan Mukim Tok Jamal.

Keluasan Kuala Terengganu adalah 20,900 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 10,378 hektar (49.7%). Penduduk di Kuala Terengganu adalah 245,400 orang dengan kepadatan penduduk 1,167 orang per kilometer persegi. Kuala Terengganu mencatatkan bilangan isi rumah 59,200 dan purata saiz isi rumah adalah 4.1. Bilangan tempat kediaman di Kuala Terengganu adalah 62,300. Bilangan pegangan pertanian di Kuala Terengganu adalah 8,648.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor adalah tanaman iaitu 6,872 (78.4%) dengan 6,805 pegangan individu dan 67 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 1,456 (16.6%) dengan 1,434 pegangan individu dan 22 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 236 (2.7%) dengan 233 pegangan individu dan 3 pegangan pertubuhan, akuakultur sebanyak 204 (2.3%) dengan 192 pegangan individu dan 12 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 2 (0.0%) dengan 1 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan.

Carta 4 **Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Kuala Terengganu, 2023**



3.10.4.1 AKTIVITI PERTANIAN

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Kuala Terengganu adalah perikanan tangkapan dengan nilai jualan RM102,816.23 ribu diikuti oleh, tanaman (RM76,518.90 ribu), ternakan (RM25,342.32 ribu), akuakultur (RM14,118.25 ribu) dan perhutanan & pembalakan (RM504.12 ribu).

Paparan 95 **Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Kuala Terengganu, 2023**



Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	:	2
		1 individu
		1 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	107.0 kg
		2,830.0 meter padu
Kuantiti Jualan	:	107.0 kg
		2,829.6 meter padu
Nilai Jualan	:	RM504.12 ribu



Perikanan Tangkapan

Pegangan Pertanian	:	236
		233 individu
		3 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	10,015.4 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	10,014.6 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM102,816.23 ribu




Tanaman

Pegangan Pertanian	:	6,872
	:	6,805 individu
		67 pertubuhan
Keluasan Bertanam	:	3,565.3 hektar
Keluasan Bertuai	:	3,184.6 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	52,773.3 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	50,474.8 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM76,518.90 ribu



Ternakan

Pegangan Pertanian	:	1,456
		1,434 individu
		22 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	:	1,752.1 kilogram
		517,576 biji
		93,576 ekor
		16,268.0 liter
Kuantiti Jualan	:	1,586.1 kilogram
		426,048 biji
		83,323 ekor
		12,402.0 liter
Nilai Jualan	:	RM25,342.32 ribu



Akuakultur

Pegangan Pertanian	:	204
		192 individu
		12 pertubuhan
Keluasan	:	29.7 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	1,523.1 tan metrik
		57,122.0 ekor
Kuantiti Jualan	:	1,283.2 tan metrik
		28,170.0 ekor
Nilai Jualan	:	RM14,118.25 ribu

3.10.4.2 SUBSEKTOR TANAMAN

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Kuala Terengganu adalah 6,872 yang terdiri daripada 6,805 pegangan individu dan 67 pegangan pertubuhan dengan keluasan bertanam 3,565.3 hektar dan kuantiti pengeluaran 52,773.3 tan metrik. Pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman di Kuala Terengganu adalah kelapa sawit iaitu 29,154.9 tan metrik diikuti oleh tanaman lain (12,405.3 tan metrik) dan buah-buahan (6,286.1 tan metrik).

Paparan 96

Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Kuala Terengganu, 2023



1. Kelapa Sawit

Pegangan Pertanian	:	176
Keluasan Bertanam	:	1,517.2 hektar
Pengeluaran	:	29,154.9 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM26,985.02 ribu



2. Buah-buahan

Pegangan Pertanian	:	3,398
Keluasan Bertanam	:	621.2 hektar
Pengeluaran	:	6,286.1 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM23,311.74 ribu



3. Sayur-sayuran

Pegangan Pertanian	:	845
Keluasan Bertanam	:	197.1 hektar
Pengeluaran	:	3,054.7 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM17,202.90 ribu



4. Nanas

Pegangan Pertanian	:	79
Keluasan Bertanam	:	23.5 hektar
Pengeluaran	:	752.1 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM2,188.71 ribu



5. Getah

Pegangan Pertanian	:	945
Keluasan Bertanam	:	816 hektar
Pengeluaran	:	587.9 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM3,565.69 ribu



6. Padi

Pegangan Pertanian	:	118
Keluasan Bertanam	:	223.6 hektar
Pengeluaran	:	532.2 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM551.24 ribu



7. Lada

Pegangan Pertanian	:	-
Keluasan Bertanam	:	0.2 hektar
Pengeluaran	:	152.7 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM3.42 ribu



8. Tanaman Lain

Pegangan Pertanian	:	1,688
Keluasan Bertanam	:	166.6 hektar
Pengeluaran	:	12,405.3 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM2,710.18 ribu



3.10.4.3 SUBSEKTOR TERNAKAN

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Kuala Terengganu adalah 1,456 yang terdiri daripada 1,434 pegangan individu dan 22 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 1,752.1 kilogram dengan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,586.1 kilogram. Sejumlah 517,576 biji telur dan 16,268.0 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 426,048 biji telur serta 12,402.0 liter susu segar telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 93,576 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 83,323 ekor. Nilai jualan bagi ternakan lembu/kerbau merupakan penyumbang tertinggi di Kuala Terengganu sebanyak RM20,920.00 ribu. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Kuala Terengganu direkodkan sebanyak RM25,342.32 ribu.

Jadual 10 **Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Terengganu, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kuala Terengganu	**1,456**	**1,434**	**22**	**-**	**-**	**25,342.32**
Kilogram	-	-	-	1,752.1	1,586.1	494.20
Biji	-	-	-	517,576	426,048	395.90
Ekor	-	-	-	93,576	83,323	24.40
Liter	-	-	-	16,268.0	12,402.0	55.54

Paparan 97 **Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Kuala Terengganu, 2023**




3.10.4.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perikanan tangkapan di Kuala Terengganu merekodkan 236 pegangan pertanian yang terdiri daripada 233 pengusaha individu dan 3 pertubuhan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 10,015.4 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan adalah 10,014.6 tan metrik, dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM102,816.23 ribu.

Paparan 98

Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.6 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kuala Terengganu merekodkan seramai 204 pegangan pertanian yang terdiri daripada 192 pengusaha individu dan 12 pertubuhan pada tahun 2023. Keluasan subsektor akuakultur di daerah ini direkodkan seluas 29.7 hektar. Kuantiti pengeluaran akuakultur bagi daerah ini mencatatkan 1,523.1 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak 1,283.2 tan metrik yang bernilai RM13,843.06 bagi akuakultur air payau dan air tawar, manakala sebanyak 57,122 ekor dihasilkan dan 28,170 ekor dijual dengan nilai RM275.20 ribu bagi kategori baka & benih dan ikan hiasan yang menggunakan unit ukuran ekor. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM14,118.25 ribu.

Jadual 11 **Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kuala Terengganu, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Kuala Terengganu	**204**	**192**	**12**	**29.7**	**-**	**-**	**14,118.25**
Tan metrik	-	-	-		1,523.1	1,283.2	13,843.11
Ekor	-	-	-		57,122	28,170	275.20

3.10.4.7 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak 2 pegangan pertanian terdiri daripada 1 pegangan pertanian individu dan 1 pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran dan jualan hasil hutan bukan kayu telah mencatatkan sebanyak 107.0 kilogram. Statistik pembalakan mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 2,830.0 meter padu dan kuantiti jualan sebanyak 2,829.6 meter padu. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM504,124.72 ribu.

Jadual 12 **Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Terengganu, 2023**


Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM '000)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kuala Terengganu	**2**	**1**	**1**	**-**	**-**	**504.12**
Kilogram	-	-	-	107.0	107.0	6.00
Meter padu	-	-	-	2,830.0	2,829.6	498.12

3.10.4.8 GUNA TENAGA

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di daerah Kuala Terengganu adalah seramai 10,576 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 87.0 peratus merupakan Pemilik dan Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 9,201 orang, manakala 1,160 orang atau 10.9 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 215 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji iaitu 2.0 peratus.

Paparan 99 **Guna Tenaga Pertanian, Kuala Terengganu, 2023**


(Orang)



3.10.4.9 GAJI DAN UPAH

Kuala Terengganu merekodkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,225.00. Bagi pegangan pertanian individu purata gaji dan upah tahunan adalah sebanyak RM16,527.00 manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM21,603.00.

Paparan 100 **Purata Gaji dan Upah, Kuala Terengganu, 2023**



Gaji & Upah Tahunan (RM)

3.10.4.9 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Daerah Kuala Terengganu pada tahun 2023 adalah sebanyak RM237,177.32 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM149,692.12 ribu (63.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM87,485.20 ribu (36.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 101: Pendapatan Sektor Pertanian, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.10 TANAMAN

Pendapatan bagi subsektor tanaman Daerah Kuala Terengganu adalah sebanyak RM89,130.09 ribu. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM55,135.52 ribu (61.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM33,994.57 ribu (38.1%).


Paparan 102: Pendapatan Subsektor Tanaman, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.11 TERNAKAN

Pendapatan Kuala Terengganu bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM29,070.51 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM23,992.65 ribu (82.5%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM5,077.86 ribu (17.5%).


Paparan 103: Pendapatan Subsektor Ternakan, Kuala Terengganu, 2023



3.10.3.12 PERIKANAN TANGKAPAN

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kuala Terengganu adalah RM103,788.06 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM60,799.02 ribu (58.6%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM42,989.04 ribu (41.4%).


Paparan 104: Pendapatan Sektor Perikanan Tangkapan, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.13 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kuala Terengganu merekodkan jumlah pendapatan RM14,579.23 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM9,758.93 ribu (66.9%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM4,820.30 ribu (33.1%).

Paparan 105: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.14 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti pembalakan di Kuala Terengganu adalah RM609.42 ribu. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM6.00 ribu (1.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM603.42 ribu (99.0%).

Paparan 106: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Terengganu, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.10.4.15 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjan sektor pertanian bagi Daerah Kuala Terengganu pada tahun 2023 adalah sebanyak RM100,429.75 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM62,168.13 ribu (61.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM38,261.62 ribu (38.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 107: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.16 TANAMAN

Perbelanjaan bagi subsektor tanaman Daerah Kuala Terengganu adalah sebanyak RM29,569.72 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM19,246.54 ribu (29.6%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM10,323.18 ribu (70.4%).


Paparan 108: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.17 TERNAKAN

Perbelanjaan Kuala Terengganu bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM16,552.73 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM12,929.07 ribu (78.1%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM3,623.66 ribu (21.9%).


Paparan 109: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.18 PERIKANAN TANGKAPAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kuala Terengganu adalah RM48,029.64 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM26,736.34 ribu (55.7%) , manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM21,293.30 ribu (44.3%).


Paparan 110: Perbelanjaan Sektor Perikanan Tangkapan, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.19 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kuala Terengganu merekodkan jumlah perbelanjaan RM5,911.67 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM3,253.32 ribu (55.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM2,658.35 ribu (45.0%).

Paparan 111: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Kuala Terengganu, 2023



3.10.4.20 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pembalakan di Kuala Terengganu adalah RM365.99 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM2.87 ribu (0.8%) manakala pegangan pertanian pertubuhan berjumlah RM363.12 ribu (99.2%).

Paparan 112: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Terengganu, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.10.5 DAERAH MARANG

Daerah Marang merangkumi enam mukim iaitu Mukim Alor Limbat, Mukim Bukit Payung, Mukim Merchang, Mukim Pulau Kerengga, Mukim Jerung dan Mukim Rusila.

Keluasan Marang adalah 66,100 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 41,314 hektar (62.5%). Penduduk di Marang adalah 126,700 orang dengan kepadatan penduduk 190 orang per kilometer persegi. Marang mencatatkan bilangan isi rumah 32,800 dan purata saiz isi rumah adalah 3.9. Bilangan tempat kediaman di Marang adalah 40,200.

Bilangan pegangan pertanian di Marang adalah 8,675 Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor adalah tanaman iaitu 6,882 (79.3%) dengan 6,840 pegangan individu dan 42 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 1,425 (16.4%) dengan 1,400 pegangan individu dan 25 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 435 (45.0%) dengan 435 pegangan individu, akuakultur sebanyak 74 (0.9%) dengan 67 pegangan individu dan 7 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 6 (0.1%) dengan 5 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan.

Carta 5 **Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Marang, 2023**



3.10.5.1 AKTIVITI PERTANIAN

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Marang adalah tanaman dengan nilai jualan RM211,951.06 ribu diikuti oleh aktiviti akuakultur (RM61,350.92 ribu), ternakan (RM40,333.07 ribu), perikanan tangkapan (RM33,441.88 ribu) dan nilai jualan terendah adalah aktiviti perhutanan & pembalakan iaitu sebanyak RM4,214.97 ribu.

Paparan 113 **Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Marang, 2023**

Tanaman

Pegangan Pertanian	:	6,882
	:	6.840 individu
		42 pertubuhan
Keluasan Bertanam	:	12,607.1 hektar
Keluasan Bertuai	:	11,093.7 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	190,769.4 tan metrik
Kuantiti Jualan	:	189,915.6 tan metrik
Nilai Jualan	:	RM211,951.07 ribu

Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	:	6
		5 individu
		1 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	:	13,495.0 kg
		9,727.0 meter padu
Kuantiti Jualan	:	10,399.6 kg
		9,626.6 meter padu
Nilai Jualan	:	RM4,214.97 ribu

Akuakultur

Pegangan Pertanian	:	74
		67 individu
		7 pertubuhan
Keluasan	:	22.9 hektar
Kuantiti Pengeluaran	:	2,101.9 tan metrik
		50,961,917 ekor
Kuantiti Jualan	:	1,134.3 tan metrik
		50,510,429 ekor
Nilai Jualan	:	RM61,350.91 ribu

Ternakan

Pegangan Pertanian	:	1,425
		1,400 individu
		25 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	:	9,420.0 kilogram
		380,289.biji
		2,000,154 ekor
		587,950.0 liter


3.10.8.11 TERNAKAN

Pendapatan Kuala Nerus bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM21,722.51 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM11,709.31 ribu (53.9%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM10,013.20 ribu (46.1%).


Paparan 175: Pendapatan Subsektor Ternakan, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.12 PERIKANAN TANGKAPAN

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kuala Nerus adalah RM42,222.79 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM42,139.88 ribu (99.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM82.91 ribu (0.2%).


Paparan 176: Pendapatan Sektor Perikanan Tangkapan, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.13 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kuala Nerus merekodkan jumlah pendapatan RM3,289.29 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM3,172.59 ribu (96.5%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM116.70 ribu (3.5%).

Paparan 177: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.14 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah pendapatan bagi aktiviti pembalakan di Kuala Nerus adalah RM58,812.38 ribu. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM8.00 ribu (0.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM58,804.38 ribu (99.9%).

Paparan 178: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Nerus, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.10.8.15 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjan sektor pertanian bagi Daerah Kuala Nerus pada tahun 2023 adalah sebanyak RM113,348.76 ribu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM46,305.71 ribu (40.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki sebanyak RM67,043.05 ribu (59.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 179: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.16 TANAMAN

Perbelanjaan bagi subsektor tanaman Daerah Kuala Nerus adalah sebanyak RM57,623.10 ribu. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM 20,982.70 ribu (36.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM36,640.40 ribu (63.6%).


Paparan 180: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.17 TERNAKAN

Perbelanjaan Kuala Nerus bagi aktiviti ternakan pada 2023 adalah berjumlah RM12,013.97 ribu dengan pegangan pertanian individu iaitu sebanyak RM4,724.16 ribu (39.3%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7,289.81 ribu (60.7%).


Paparan 181: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.18 PERIKANAN TANGKAPAN

Perbelanjaan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kuala Nerus adalah RM19,490.94 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM19,448.09 ribu (99.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan perbelanjaan sejumlah RM42.85 ribu (0.2%).


Paparan 182: Perbelanjaan Sektor Perikanan Tangkapan, Kuala Nerus, 2023



3.10.8.19 AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kuala Nerus merekodkan jumlah perbelanjaan RM1,178.13 ribu. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,146.96 ribu (97.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM31.17 ribu (2.6%).


Paparan 183: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Kuala Nerus, 2023




3.10.8.20 PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti pembalakan di Kuala Nerus adalah RM23,042.61 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM3.80 ribu (0.1%) manakala pegangan pertanian pertubuhan berjumlah RM23,038.81 ribu (99.9%).

Paparan 184: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Nerus, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.









RENCANA

158 Analisis Perkembangan Daging Lembu di Terengganu

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ANALISIS PERKEMBANGAN PENGELUARAN DAGING LEMBU DI TERENGGANU

Disediakan oleh :

Norhaizan binti Mohd Basri, Nurul Fatin Najwa Zakaria,
Nadhira Syahira Mohd Hamdan
Jabatan Perangkaan Malaysia, Terengganu

Abstrak


Penternakan lembu merupakan salah satu sektor penting dalam industri pertanian yang menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negara serta menjadi sumber utama protein kepada rakyat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan pengeluaran daging lembu di Terengganu menggunakan data siri masa dari tahun 2013 hingga 2022. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh sepuluh tahun. Pendekatan utama kajian ini ialah analisis trend bagi data siri masa berdasarkan teknik peramalan bagi mengenal pasti pola perubahan tahunan dalam pengeluaran daging lembu. Dapatan menunjukkan terdapat pola turun naik dalam pengeluaran dari tahun ke tahun, dengan beberapa tempoh mencatatkan peningkatan ketara manakala yang tempoh lain mengalami penyusutan. Teknik peramalan menggunakan kaedah *Holt's* di melalui perisian Rstudio adalah bagi mengunjurkan pola masa depan pengeluaran daging lembu sekiranya trend semasa berterusan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan asas kepada pihak kerajaan dalam merangka perancangan strategik serta menggubal dasar yang sewajarnya bagi meningkatkan pengeluaran daging tempatan, sekali gus memperkukuh keterjaminan makanan negara pada masa hadapan.

1.0 Latar Belakang

Sektor penternakan merupakan komponen penting dalam industri pertanian negara kerana ia bukan sahaja menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan, malah menjadi sumber utama protein haiwan bagi penduduk Malaysia. Di antara jenis ternakan yang diusahakan, lembu memainkan peranan yang signifikan dalam memenuhi permintaan terhadap daging merah tempatan.

Negeri Terengganu merupakan antara negeri yang aktif dalam pembangunan industri penternakan lembu. Keluasan tanah dan kekayaan alam semula jadi Negeri Terengganu berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu. Pengeluaran daging lembu menunjukkan trend peningkatan yang agak konsisten sepanjang tempoh 2019 hingga 2022. Jumlah pengeluaran meningkat daripada 1,501.75 tan metrik pada tahun 2019 kepada 2,344.98 tan metrik pada tahun 2022. Peningkatan ketara dapat dilihat antara tahun 2019 hingga 2020 dan seterusnya terus menunjukkan pertambahan secara berperingkat sehingga tahun 2022.

Carta 1 : Pengeluaran Daging (Tan Matrik) Terengganu, 2019-2022



Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu

Secara keseluruhannya, walaupun Terengganu mempunyai keluasan tanah yang sesuai serta sumber semula jadi yang mencukupi untuk pembangunan penternakan, tahap pengeluaran dan sara diri masih perlu dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar. Faktor seperti persekitaran, dasar kerajaan, penggunaan teknologi dan corak permintaan berkemungkinan mempengaruhi kadar peningkatan pengeluaran dari tahun ke tahun.

Justeru, analisis yang sistematik terhadap perkembangan pengeluaran daging lembu adalah amat penting untuk memahami trend semasa serta merangka langkah-langkah strategik ke arah pembangunan yang lebih mampan. Dengan menggunakan pendekatan analisis siri masa dan kaedah peramalan seperti kaedah *Holt's* dalam perisian RStudio, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang pola pengeluaran daging lembu di Terengganu bagi tempoh tahun 2013 hingga 2022 serta mengunjurkan trend pengeluaran pada masa depan berdasarkan data sejarah. Kajian ini akan dapat menyumbang kepada penggubalan dasar yang lebih berkesan dan meningkatkan daya saing industri penternakan tempatan.

2.0 Pernyataan Masalah

Sektor penternakan lembu di Terengganu berdepan ketidakstabilan pengeluaran daging lembu yang ketara akibat pelbagai faktor seperti wabak penyakit ternakan. Penyakit seperti FMD (Penyakit kuku dan mulut) boleh menyebabkan sekatan pergerakan ternakan dapat mempengaruhi pengeluaran daging serta menjejaskan kadar bekalan di pasaran sekali gus memberi kesan kepada kestabilan harga dan tahap sara diri negeri. Faktor bencana alam seperti banjir turut menjejaskan infrastruktur dan operasi penternakan sekali gus memberikan tekanan kepada penternak dari segi kos pemulihan, kehilangan ternakan serta gangguan rantaian bekalan pengeluaran daging. Selain itu, kenaikan harga makanan ternakan di pasaran global turut meningkatkan kos pengeluaran, terutamanya bagi penternak kecil dan sederhana. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, para penternak membayar sehingga RM80.00 bagi setiap beg makanan lembu seberat 50 kg pada tahun 2023, berbanding RM45.00 pada Januari 2022, berikutan peningkatan kebergantungan kepada import bahan makanan ternakan (Zuzilawati, 2023).

Turun naik pengeluaran yang berlaku dari tahun ke tahun menunjukkan ketiadaan pola pertumbuhan yang konsisten, sekali gus menyukarkan perancangan pengeluaran dan penggubalan dasar yang berkesan. Ketiadaan analisis empirikal yang sistematik terhadap data pengeluaran daging lembu menyebabkan pihak berkepentingan kurang memahami corak perubahan jangka panjang serta kesan gangguan luaran terhadap pengeluaran. Oleh itu, analisis siri masa diperlukan bagi mengenal pasti trend dan pola pengeluaran daging lembu di Terengganu, manakala kaedah peramalan pula penting untuk mengunjurkan hala tuju pengeluaran pada masa hadapan. Pendekatan ini diharap dapat menyediakan asas yang lebih kukuh untuk perancangan strategik dan pengukuhan keterjaminan bekalan daging lembu tempatan.

3.0 Hipotesis

H_0: Trend pengeluaran daging lembu yang diramalkan menunjukkan tiada peningkatan signifikan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

H_1: Trend pengeluaran daging lembu yang diramalkan menunjukkan peningkatan signifikan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

4.0 Sorotan Literatur

Sektor penternakan ruminan khususnya lembu mempunyai peranan penting dalam menyumbang kepada bekalan makanan negara, terutamanya sebagai sumber protein haiwan. Industri ternakan lembu dan produk daging halal pula adalah merupakan salah satu industri yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara manakala pembangunan industri ini pula perlu melihat kepada beberapa faktor yang memberi impak kepada manusia dan persekitaran (Hashim et al., 2023). Menurut Mohd Rosli dan Nasir (2016), industri penternakan lembu di Malaysia masih beroperasi secara kecil-kecilan dengan penglibatan usahawan mikro dan petani tradisional yang menyukarkan peningkatan hasil secara besar-besaran. Di Terengganu, penternakan lembu dijalankan secara komersial dan juga integrasi dengan tanaman seperti kelapa sawit dan getah, namun hasil pengeluaran masih belum mencukupi untuk menampung permintaan domestik. Hal ini menuntut pemantauan corak pengeluaran serta langkah pengukuhan industri melalui dasar dan insentif kerajaan.

Analisis trend pengeluaran daging lembu menggunakan data bersiri masa adalah penting untuk melihat perubahan dalam tempoh tertentu. Kajian oleh Azmi et al. (2020) menyatakan bahawa pemodelan statistik seperti pelicinan eksponen dan ARIMA dapat memberikan gambaran lebih tepat terhadap prestasi pengeluaran ternakan. Kaedah ini bukan sahaja peramalan masa depan tetapi juga mengesan anomali yang mungkin berlaku akibat faktor luar seperti penyakit haiwan, bencana alam atau perubahan polisi. Penerapan teknik peramalan dalam kajian ini sejajar dengan saranan untuk menggunakan pendekatan berasaskan data dalam perancangan strategik agro-makanan.

Di samping itu, laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV, 2022) menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah lembu diternak di beberapa negeri termasuk Terengganu, kadar pertumbuhan pengeluaran daging lembu adalah tidak konsisten. Antara

faktor yang dikenal pasti termasuklah tahap kecekapan sistem penternakan, penggunaan baka yang sesuai serta tahap kesedaran penternak terhadap teknologi moden. Oleh itu, kajian berkala terhadap data pengeluaran amat diperlukan bagi membantu pembuat dasar memahami keperluan semasa dan hala tuju pembangunan industri penternakan yang lebih mampan.

5.0 Metodologi Kajian

5.1 Sumber Data

Kajian ini menggunakan data siri masa berkaitan pengeluaran daging lembu di Negeri Terengganu yang diperoleh daripada beberapa sumber utama iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Data yang digunakan adalah data sekunder yang diperoleh daripada Laporan Tahunan DVS serta laporan perancangan negeri oleh UPEN. Tempoh data yang dianalisis meliputi sepuluh tahun bermula dari tahun 2013 hingga 2022.

5.2 Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan pengeluaran daging lembu di Negeri Terengganu menggunakan data siri masa dari tahun 2013 hingga 2022. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti pola perubahan tahunan serta meramalkan trend pengeluaran bagi tempoh sepuluh tahun akan datang. Teknik peramalan yang digunakan adalah menggunakan kaedah *Holt's*, iaitu teknik analisis siri masa yang sesuai untuk data yang mempunyai trend dan analisis ini dilaksanakan menggunakan perisian *Rstudio* (Hyndman & Athanasopoulos, 2018).

Pemeriksaan terhadap *white noise* dilakukan selepas model *Holt's* dibina bagi memastikan baki (*residual*) model bersifat rawak tanpa corak (*autocorrelation*). Jika residual adalah *white noise* (nilai $p > 0.05$), ini menunjukkan model telah menangkap semua pola penting dalam data dan sesuai digunakan untuk peramalan. Sebaliknya, jika residual masih mempunyai corak ini menandakan model tidak mencukupi dan mungkin perlu diperbaiki (Chatfield, 2004). Oleh itu, ujian *Ljung-Box* digunakan untuk menilai

sama ada residual memenuhi ciri *white noise* sekali gus mengesahkan kesesuaian model *Holt's* (Ljung & Box, 1978).

Dalam kajian ini, kaedah *Holt's* digunakan bagi meramalkan pengeluaran daging lembu. Data dibahagikan kepada dua set iaitu data anggaran dan data penilaian. Model awal dibina tanpa menetapkan nilai alpha dan beta, membolehkan parameter optimum dianggarkan secara automatik. Nilai terbaik yang diperoleh ialah alpha = 0.7873 dan beta = 0.0001, lalu digunakan semula ke atas data penilaian untuk menguji ketepatan model. Peramalan bagi 10 tahun akan datang dipaparkan secara grafik bagi menunjukkan pola jangkaan pengeluaran masa hadapan.


6.0 Hasil Dan Penemuan

6.1 Pengeluaran Daging Lembu

Berdasarkan Carta 1, pengeluaran daging lembu di Terengganu menunjukkan penurunan yang mendadak pada tahun 2018 iaitu dari 1,649.87 tan metrik kepada 1,501.75 tan metrik pada tahun 2019. Kemaman mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi secara konsisten bermula tahun 2015, dengan peningkatan paling ketara dari 2020 hingga 2022. Pada tahun 2020, jumlah pengeluaran di Kemaman melonjak kepada 740.39 tan metrik iaitu hampir dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya dan kekal tinggi sehingga 2022 dengan 707.89 tan metrik.

Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor. Menurut laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu (DVS, 2022), Kemaman merupakan antara lokasi utama projek penternakan bersepadu dan ladang fidlot berskala besar di negeri ini, khususnya melalui program sokongan kerajaan seperti *National Feedlot Centre* (NFC) dan bantuan di bawah agropreneur muda. Selain itu, kawasan tanah yang luas dan akses kepada sumber air serta rumput ternakan seperti rumput napier menjadikan Kemaman lokasi strategik untuk penternakan lembu secara intensif (Lembaga Pertubuhan Peladang, 2021).

Carta 2 : Graf Pengeluaran Daging Lembu mengikut Daerah, 2014-2022




Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar

6.2 Graf Ternakan Lembu di Terengganu

Data menunjukkan bahawa populasi ternakan lembu di Terengganu kekal stabil sekitar 85,000 hingga 90,000 ekor dari tahun 2013 hingga 2018, sebelum mencatat penurunan ketara pada 2019 kepada 79,205 ekor. Walau bagaimanapun, jumlah ternakan kembali meningkat, mencecah 95,394 ekor pada 2022, iaitu tertinggi dalam tempoh sepuluh tahun. Pengeluaran daging lembu secara signifikan bermula tahun 2020, menunjukkan bahawa pengeluaran bukan sahaja bergantung kepada bilangan ternakan, tetapi juga kemungkinan dipengaruhi oleh penggunaan teknologi penternakan yang lebih efisien, peningkatan kadar penyembelihan, serta permintaan pasaran yang lebih tinggi.

Carta 3 : Graf Ternakan Lembu di Terengganu, 2013 - 2022



Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar

6.3 Keputusan Pengesahan Model bagi Kaedah *Holt's*

Jadual 1 : Keputusan Pengesahan Model bagi Kaedah *Holt's*

Model	**Kotak Ljung**		
	P-value	**Keputusan**	**Kesimpulan**
Kaedah *Holt's*	0.7712	H0 diterima	*White Noise*

Jadual 1 memaparkan keputusan Kaedah *Holt's*, di mana nilai *p* bagi ujian Ljung-Box adalah 0.7712 iaitu melebihi aras keertian 0.05. Oleh itu, hipotesis nol (H_0) diterima, yang membawa maksud bahawa sisaan model ini tidak mempunyai autokorelasi yang signifikan dan berkelakuan seperti *white noise*. Ini menunjukkan bahawa model *Holt's* telah berjaya menangkap corak dalam data dengan baik tanpa meninggalkan struktur yang tidak dijelaskan.

Secara keseluruhan, keputusan ini mengesahkan bahawa Kaedah *Holt's* adalah mencukupi dan sesuai digunakan untuk tujuan peramalan, terutamanya apabila data mempunyai komponen trend (Azmi et al., 2020). Tambahan pula, sifatnya yang menggunakan bilangan parameter yang sederhana menjadikannya pilihan yang efisien berbanding model yang lebih kompleks seperti ARIMA. Maka, model ini boleh dianggap sebagai model yang stabil dan boleh dipercayai dalam membuat peramalan berdasarkan data yang dianalisis (Hassan & Mohamad, 2019).

6.4 Metrik Ralat bagi Kaedah *Holt's*

Jadual 2 : Metrik Ralat bagi Kaedah *Holt's*

Model	MAE		MSE		MAPE	
	Anggaran	Penilaian	Anggaran	Penilaian	Anggaran	Penilaian
Kaedah *Holt's*	2828.513	117.9577	11320405.33	19787.9997	3.0116	5.4055


Berdasarkan Jadual 2 di atas, kaedah *Holt's* menunjukkan prestasi yang baik dalam kedua-dua fasa anggaran dan penilaian. Semasa fasa anggaran, nilai MAE ialah 2828.513, yang mengukur purata kesilapan mutlak antara nilai sebenar dan nilai peramalan. MSE pula sebanyak 11,320,405.33, menunjukkan kesilapan kuasa dua purata yang menekankan kesilapan yang lebih besar. MAPE adalah 3.0116, yang menunjukkan purata kesilapan dalam bentuk peratus berbanding nilai sebenar kerana ia penting untuk menilai ketepatan relatif model. Nilai-nilai ini menunjukkan bahawa model dapat menyesuaikan data sejarah dengan baik dalam fasa anggaran.

Dalam fasa penilaian, nilai MAE dan MSE menurun kepada 117.9577 dan 19,787.9997 masing-masing, menunjukkan bahawa model menghasilkan peramalan yang lebih hampir dengan data sebenar dalam tempoh penilaian. Namun begitu, nilai MAPE meningkat sedikit kepada 5.4055, menunjukkan sedikit peningkatan dalam ralat peratusan. Walaupun begitu, nilai ini masih berada dalam julat yang boleh diterima dan menunjukkan bahawa model masih mengekalkan ketepatan peramalan yang stabil dan boleh dipercayai.

**MAE – Mean Absoluter Error*
***MSE – Mean Squared Error*
****MAPE – Mean Absolute Percentage Error*

6.5 Plot Siri Masa bagi Kaedah *Holt's*

Carta 4 : Plot Siri Masa bagi Kaedah *Holt's*



Graf dalam Carta 3 menunjukkan trend pengeluaran daging lembu di Terengganu dari tahun 2013 hingga 2022 berdasarkan data sebenar. Secara keseluruhan, pengeluaran memperlihatkan pola yang tidak konsisten, dengan penurunan sedikit pada 2016 hingga 2018, sebelum mencatat penurunan ketara pada 2019 sebanyak 1,601.8 tan metrik.


Bermula tahun 2020, pengeluaran menunjukkan lonjakan drastik sebanyak 39 peratus berbanding tahun 2019, mencapai 2,345 tan metrik pada 2022, iaitu nilai tertinggi dalam tempoh yang dikaji. Peningkatan ini dipengaruhi oleh permintaan daging yang sebelum ini hanya tinggi pada hari Jumaat dan Sabtu, yang meningkat setiap hari sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai contoh, sebelum ini hanya dua hingga tiga ekor lembu disembelih setiap hari, kini jumlah tersebut meningkat kepada lima hingga enam ekor sehari, khususnya di Rumah Sembelih Gong Badak (Zulkifli, 2020).

Pelbagai faktor lain turut menyumbang kepada peningkatan pengeluaran, termasuk dasar kerajaan, peningkatan pelaburan dan perubahan permintaan pasaran. Keadaan ini mencerminkan potensi sebenar negeri Terengganu dalam meningkatkan pengeluaran daging lembu sekiranya strategi pembangunan dijalankan secara berkesan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2022).

* *NLIS - National Livestock Identification System*

6.6 Peramalan Pengeluaran Daging 10 Tahun Akan Datang

Carta 5 : Peramalan Pengeluaran Daging 10 tahun akan datang



Carta 4 di atas menunjukkan graf trend pengeluaran daging lembu sebenar bagi negeri Terengganu dari tahun 2013 hingga 2022 (garis biru) serta unjuran peramalan bagi tempoh sepuluh tahun akan datang dari 2023 hingga 2032 (garis merah) menggunakan kaedah *Holt's*. Berdasarkan pola yang diperoleh, pengeluaran sebenar menunjukkan turun naik yang tidak konsisten sepanjang tempoh awal, dengan penurunan ketara pada tahun 2019 sebelum kembali meningkat sehingga 2022.

Peramalan yang dihasilkan menunjukkan trajektori peningkatan berterusan dari tahun 2023 hingga 2032, selari dengan hipotesis alternatif (H_1) yang menyatakan bahawa terdapat peningkatan signifikan dalam pengeluaran pada masa hadapan. Hasil ini mencerminkan potensi pertumbuhan industri penternakan lembu di Terengganu, sekali gus menyokong keperluan kepada dasar yang lebih proaktif dan pelaburan strategik untuk merealisasikan sasaran peningkatan tahap sara diri daging lembu secara mampan.

* *NLIS - National Livestock Identification System*

7.0 Cadangan dan Penambahbaikan

Bagi menangani kesan bencana alam terhadap sektor penternakan di Terengganu, langkah penambahbaikan termasuk memperkukuh sistem amaran awal dan pelan tindak balas bencana khusus, penyediaan bantuan segera seperti pemindahan ternakan, bekalan makanan kecemasan, serta kandang mudah alih. Insentif atau pampasan kepada penternak yang terjejas dan latihan pengurusan risiko bencana juga penting bagi memastikan penternak dapat bertindak cekap ketika menghadapi situasi luar jangka (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2023; Ismail et al., 2020).

Bagi menangani tekanan kos makanan ternakan dan meningkatkan produktiviti, kerajaan disarankan memperkukuh pengeluaran makanan ternakan tempatan, memperkenalkan skim pembiayaan mikro dan geran khas, serta menubuhkan koperasi penternak untuk pembelian secara pukal (Lembaga Pertubuhan Peladang, 2022; Rahman et al., 2021). Selain itu, penggunaan teknologi moden seperti sistem GPS dan *NLIS untuk pengurusan ternakan semasa bencana serta mesin makanan automatik dan sistem biogas bagi meningkatkan kelestarian ladang boleh dicontohi daripada pengalaman Australia dan Belanda (Meat & Livestock Australia, 2021; Wageningen University & Research, 2020). Pendekatan menyeluruh ini bertujuan meningkatkan ketahanan, daya saing dan kemampanan sektor penternakan lembu di Terengganu secara berkesan.

* *NLIS - National Livestock Identification System*

8.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, analisis perkembangan pengeluaran daging lembu di Terengganu menunjukkan pengeluaran dijangka meningkat secara konsisten dalam tempoh sepuluh tahun akan datang berdasarkan kaedah Holt's, menyokong hipotesis bahawa terdapat trend pertumbuhan yang signifikan. Peningkatan ini menunjukkan potensi besar sektor penternakan lembu untuk berkembang, namun kejayaannya bergantung kepada pelaksanaan dasar yang menyokong, penambahbaikan infrastruktur serta ketahanan penternak menghadapi cabaran seperti bencana alam dan kenaikan kos makanan ternakan. Penambahbaikan yang dicadangkan termasuk: memperkukuh sistem amaran awal dan pelan tindak balas bencana, pemberian insentif atau pampasan kepada penternak, pengeluaran makanan ternakan tempatan yang lebih stabil, pengenalan skim pembiayaan mikro dan geran khas, penubuhan koperasi penternak, serta penggunaan teknologi moden seperti GPS, automasi makanan, biogas, dan kecerdasan buatan bagi meningkatkan kecekapan dan kelestarian industri. Hasil kajian ini diharap menjadi asas untuk strategi pembangunan industri penternakan yang mampan, berdaya saing dan mampu menampung permintaan domestik, sekali gus memperkukuh keterjaminan bekalan daging lembu di Terengganu pada masa hadapan.

* *NLIS - National Livestock Identification System*

9.0 Rujukan

Azmi, A., Rahim, H., & Latif, N. (2020). *Analisis Siri Masa Pengeluaran Daging Lembu di Malaysia Menggunakan Model ARIMA*. Jurnal Agro Malaysia

Chatfield, C. (2004). *The Analysis of Time Series: An Introduction* (6th ed.). Chapman & Hall/CRC.

Data Asas 2013. (2014). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2014. (2015). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2015. (2016). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2016. (2017). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2017. (2018). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2018. (2019). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2019. (2020). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2020. (2021). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2021. (2022). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Data Asas 2022. (2023). Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Hassan, S., & Mohamad, A. (2019). *Pemilihan Model Peramalan Ekonomi: Kajian terhadap Kaedah Pelicinan Eksponen*. Jurnal Ekonomi Malaysia, 53(1), 66–75.

Hashim, N., Razak, Z. a. A., Deuraseh, N., Haqqi, A., Raffi, R. M., & Mohamed, N. (2023, September 30). *Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah Untuk Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal: Kajian Kebolehlaksanaan di Negara Brunei Darussalam: [The Maqasid Syariah Strategic Alignment for Cattle Industry and Halal Meat Products Development: A Feasibility Study in Brunei]*.

Harun, N. (2022, September 15). Sektor penternakan, pertanian Terengganu rugi RM12 juta akibat bencana [METROTV]. *Harian Metro*.

Hyndman, R. J., & Athanasopoulos, G. (2018). *Forecasting: Principles and Practice* (2nd ed.). OTexts.

Ismail, R. et al. (2020). *Pengurusan Risiko Bencana dalam Sektor Pertanian*. Universiti Putra Malaysia Press.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (2022). *Laporan Tahunan Penternakan Ruminan Malaysia 2021/2022*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (2023). *Laporan Tahunan DVS*.

Kosmo. (2021, December 7). *Tingkat keluaran ternakan atasi harga tinggi*. Kosmo Digital.

Lembaga Pertubuhan Peladang. (2021). *Laporan Pembangunan Industri Ruminan*.

Lembaga Pertubuhan Peladang. (2022). *Strategi Pemerkasaan Industri Ternakan Ruminan*.

Ljung, G. M., & Box, G. E. P. (1978). On a Measure of a Lack of Fit in Time Series Models. *Biometrika*, 65(2), 297–303.

Meat & Livestock Australia. (2021). *Technology and innovation in Australian livestock industry*.

Mohd Rosli, R., & Nasir, M. (2016). *Cabaran dan Potensi Industri Ternakan Lembu di Malaysia*. Jurnal Ekonomi dan Pembangunan

Mustafa, R. (2022, December 28). 43,789 ekor ternakan mati akibat banjir di Terengganu | Sinar Harian. *Sinar Harian*.

Mansor, W. M. N. H. W. (2022, June 11). Jual rumput napier raih pendapatan lima angka | Sinar Harian. *Sinar Harian*.

Rahman, H. et al. (2021). *Peranan Koperasi dalam Menstabilkan Harga Input Pertanian*. Jurnal Ekonomi dan Pertanian Malaysia.

Wageningen University & Research. (2020). *Smart Farming in the Netherlands*.

Zulkifli, A. R. (2020, April 23). Permintaan daging lembu meningkat di Terengganu. *Harian Metro*.

Zuzilawati. (2023, July 25). *Animal feed – a critical component in the global food chain - MIDA | Malaysian Investment Development Authority*. MIDA | Malaysian Investment Development Authority.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Administrative District, Terengganu, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Terengganu	**72,405**	**99.1**	**684**	**0.9**	**73,089**	**100.0**
Besut	13,936	99.5	76	0.5	14,012	100.0
Dungun	7,719	98.6	111	1.4	7,830	100.0
Kemaman	8,390	98.6	121	1.4	8,511	100.0
Kuala Terengganu	8,552	98.9	96	1.1	8,648	100.0
Marang	8,603	99.2	72	0.8	8,675	100.0
Hulu Terengganu	6,345	98.5	94	1.5	6,439	100.0
Setiu	9,873	99.2	76	0.8	9,949	100.0
Kuala Nerus	8,987	99.6	38	0.4	9,025	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi *Paddy*	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah *Rubber*	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas *Pineapple*	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf *Kenaf*	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada *Pepper*	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko *Cocoa*	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan *Livestocks*		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Terengganu, 2023

Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	6,771	97.0	206	3.0	6,977	100.0
	Padi *Paddy*	5,231	99.8	9	0.2	5,240	100.0
	Getah *Rubber*	15,334	99.9	9	0.1	15,343	100.0
	Nanas *Pineapple*	422	98.4	7	1.6	429	100.0
	Kenaf *Kenaf*	126	100.0	-	-	126	100.0
	Lada *Pepper*	21	87.5	3	12.5	24	100.0
	Koko *Cocoa*	5	83.3	1	16.7	6	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	17,609	99.5	81	0.5	17,690	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	6,676	98.1	129	1.9	6,805	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	8,909	99.6	37	0.4	8,946	100.0
Ternakan *Livestocks*		11,816	98.3	200	1.7	12,016	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	3,001	99.6	12	0.4	3,013	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	910	92.1	78	7.9	988	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		173	88.7	22	11.3	195	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Terengganu, 2023

Table 2.2: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Citizenship, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		**Warganegara** *Malaysian*		**Bukan Warganegara** *Non Malaysian*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	6,768	100.0	3	0.0
	Padi *Paddy*	5,231	100.0	-	-
	Getah *Rubber*	15,330	100.0	4	0.0
	Nanas *Pineapple*	422	100.0	-	-
	Kenaf *Kenaf*	126	100.0	-	-
	Lada *Pepper*	21	100.0	-	-
	Koko *Cocoa*	5	100.0	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	17,591	99.9	18	0.1
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	6,664	99.8	12	0.2
	Tanaman Lain *Other Crops*	8,898	99.9	11	0.1
Ternakan *Livestocks*		11,815	100.0	1	0.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	3,001	100.0	-	-
	Akuakultur *Aquaculture*	910	100.0	-	-
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		173	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Terengganu, 2023

Table 2.3: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Sex, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		**Lelaki** *Male*		**Perempuan** *Female*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	5,017	74.1	1,754	25.9
	Padi *Paddy*	4,395	84.0	836	16.0
	Getah *Rubber*	9,000	58.7	6,334	41.3
	Nanas *Pineapple*	337	79.9	85	20.1
	Kenaf *Kenaf*	103	81.7	23	18.3
	Lada *Pepper*	15	71.4	6	28.6
	Koko *Cocoa*	2	40.0	3	60.0
	Buah-Buahan *Fruits*	13,321	75.6	4,288	24.4
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	4,815	72.1	1,861	27.9
	Tanaman Lain *Other Crops*	6,546	73.5	2,363	26.5
Ternakan *Livestocks*		10,482	88.7	1,334	11.3
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	2,993	99.7	8	0.3
	Akuakultur *Aquaculture*	843	92.6	67	7.4
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		167	96.5	6	3.5

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Terengganu, 2023

Table 2.4: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Age Group, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		**15 – 30 tahun** *15 – 30 years*		**31 – 45 tahun** *31 – 45 years*		**46 – 59 tahun** *46 – 59 years*		**60 tahun dan ke atas** *60 years and above*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	185	2.7	1,450	21.4	2,053	30.3	3,083	45.5
	Padi *Paddy*	212	4.1	1,179	22.5	1,754	33.5	2,086	39.9
	Getah *Rubber*	259	1.7	2,504	16.3	4,880	31.8	7,691	50.2
	Nanas *Pineapple*	19	4.5	105	24.9	121	28.7	177	41.9
	Kenaf *Kenaf*	26	20.6	35	27.8	44	34.9	21	16.7
	Lada *Pepper*	1	4.8	2	9.5	9	42.9	9	42.9
	Koko *Cocoa*	-	-	1	20.0	-	-	4	80.0
	Buah-Buahan *Fruits*	715	4.1	4,316	24.5	5,628	32.0	6,950	39.5
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	542	8.1	2,022	30.3	2,051	30.7	2,061	30.9
	Tanaman Lain *Other Crops*	442	5.0	2,373	26.6	2,846	31.9	3,248	36.5
Ternakan *Livestocks*		822	7.0	3,202	27.1	3,903	33.0	3,889	32.9
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	83	2.8	660	22.0	1,131	37.7	1,127	37.6
	Akuakultur *Aquaculture*	86	9.5	322	35.4	272	29.9	230	25.3
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		72	41.6	55	31.8	24	13.9	22	12.7

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Terengganu, 2023

Table 2.5: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Ethnic Group, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		Bumiputera		Cina *Chinese*		India *Indian*		Lain-lain *Others*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	6,674	98.6	87	1.3	1	0.0	6	0.1
	Padi *Paddy*	5,229	100.0	-	-	-	-	2	0.0
	Getah *Rubber*	15,189	99.1	137	0.9	1	0.0	3	0.0
	Nanas *Pineapple*	417	98.8	5	1.2	-	-	-	-
	Kenaf *Kenaf*	126	100.0	-	-	-	-	-	-
	Lada *Pepper*	18	85.7	3	14.3	-	-	-	-
	Koko *Cocoa*	5	100.0	-	-	-	-	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	17,415	99.0	152	0.9	4	0.0	20	0.1
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	6,574	98.6	78	1.2	2	0.0	10	0.2
	Tanaman Lain *Other Crops*	8,783	98.7	109	1.2	-	-	6	0.1
Ternakan *Livestocks*		11,692	99.0	90	0.8	3	0.0	30	0.3
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	2,996	99.8	4	0.1	-	-	1	0.0
	Akuakultur *Aquaculture*	904	99.3	6	0.7	-	-	-	-
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		173	100.0	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Terengganu, 2023

Table 2.6: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Marital Status, Terengganu, 2023

Subsektor *Subsector*		Tidak pernah berkahwin *Never married*		Berkahwin *Married*		Balu/Duda *Widow/Widower*		Bercerai *Divorced*		Berpisah *Separated*		Tiada Maklumat *Unknown*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	460	6.8	5,027	74.2	1,225	18.1	47	0.7	12	0.2	-	-
	Padi *Paddy*	519	9.9	3,653	69.8	730	14.0	62	1.2	9	0.2	258	4.9
	Getah *Rubber*	2,376	15.5	10,862	70.8	1,978	12.9	93	0.6	25	0.2	-	-
	Nanas *Pineapple*	41	9.7	317	75.1	60	14.2	2	0.5	2	0.5	-	-
	Kenaf *Kenaf*	16	12.7	105	83.3	5	4.0	-	-	-	-	-	-
	Lada *Pepper*	1	4.8	19	90.5	1	4.8	-	-	-	-	-	-
	Koko *Cocoa*	-	-	5	100.0	-	-	-	-	-	-	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	1,404	8.0	12,677	72.0	3,315	18.8	155	0.9	58	0.3	-	-
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	671	10.1	4,997	74.9	945	14.2	53	0.8	10	0.1	-	-
	Tanaman Lain *Other Crops*	721	8.1	6,530	73.3	1,546	17.4	86	1.0	26	0.3	-	-
Ternakan *Livestocks*		1,464	12.4	8,930	75.6	1,303	11.0	84	0.7	35	0.3	-	-
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	350	11.7	2,349	78.3	277	9.2	15	0.5	10	0.3	-	-
	Akuakultur *Aquaculture*	125	13.7	725	79.7	53	5.8	6	0.7	1	0.1	-	-
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		50	28.9	116	67.1	7	4.0	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

